

11 OCT 2000

Abdullah-Video

KEPUTUSAN TARIK BALIK LESEN PERMAINAN VIDEO KEKAL

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Keputusan Kabinet untuk menarik balik semua lesen permainan video di negara ini kekal, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Menurutnya, mesyuarat Kabinet hari ini telah membincangkan dengan agak panjang lebar laporan-laporan mengenai maklumat balas terhadap keputusan itu yang dibuat oleh Jemaah Menteri minggu lepas.

Beliau berkata tidak ada pengecualian diberikan kepada mana-mana pihak.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan Exco Pergerakan Wanita Umno di ibu pejabat parti di sini hari ini.

"Setelah mendengar laporan yang dikemukakan (mengenai maklumat balas), Kabinet bincang lagi sekali, agak panjang juga kali ini, keputusan yang diambil oleh Kabinet ialah keputusan yang dibuat dahulu diteruskan tanpa pindaan, tidak ada pengecualian pada waktu ini," kata beliau.

Ketika mengumumkan keputusan itu minggu lepas, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata semua lesen permainan video yang telah dikeluarkan akan ditarik balik dalam tempoh dua bulan manakala lesen baru tidak akan dibenarkan.

Keputusan itu dibuat setelah mengambil kira betapa berbahaya dan besarnya masalah sosial yang dicituskan oleh permainan video.

Ekoran keputusan itu, pihak berkuasa tempatan serta polis meningkatkan operasi merampas mesin permainan video haram.

Pertubuhan politik, badan kerajaan dan orang ramai turut menyokong langkah kerajaan untuk mengharamkan permainan video.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata keputusan mengharamkan semua pusat permainan video di negara ini merupakan langkah yang berani.

"Ia adalah sesuatu yang MCA telah minta dan saya berasa gembira kerana rakyat menyokong penuh keputusan itu," kata beliau kepada pemberita di pejabat beliau hari ini.

Ling sebelumnya menyaksikan majlis pemeteraian Memorandum Persefahaman bagi Penubuhan Jawatankuasa Bersama antara Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Selangor dan Badan Pencegah Rasuah (BPR).

Sementara itu, di SHAH ALAM, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Ong Kar Ting berkata Kabinet pada mesyuaratnya hari ini, menyokong kenyataan Abdullah selepas mengkaji pandangan, cadangan dan rayuan yang dibuat oleh semua pihak termasuk individu, persatuan dan syarikat membabitkan isu itu.

Menurutnya keputusan Kabinet itu adalah demi kepentingan negara dan orang ramai terutama generasi muda kerana perjudian permainan video sudah menjadi masalah sosial dan perlu diatasi.

Tempoh dua bulan kepada pengusaha untuk menutup perniagaan adalah mencukupi, katanya kepada pemberita pada sidang media selepas menutup Persidangan dan Pameran Lanskap Antarabangsa 2000 (INCOL) di sini hari ini.

Ong juga menyampaikan Pensijilan ISO 9002 kepada Park Games Equipment (M) Sdn Bhd - pengeluar peralatan padang dan kemudahan sukan remaja bertaraf dunia. Syarikat itu adalah pengeluar terbesar di Asia dan India Barat dengan pulangan jualan tahun ini dijangkakan RM10 juta.

Mengenai Siber Kafe, Ong berkata perniagaan itu boleh diteruskan selagi mereka tidak melanggar syarat yang membolehkan mereka beroperasi.

Katanya pengusaha akan diarah menutup operasi sebaik sahaja pihak berkuasa mengetahui mereka membenarkan perjudian dilakukan melalui komputer.

Mengenai lanskap, Ong berkata kerajaan sedang merangka dasar Lanskap Kebangsaan yang menyeluruh bagi merealisasikan cita-cita negara untuk

menjadi Negara Taman menjelang 2005.

Katanya kerajaan Malaysia komited untuk mengekalkan 50 peratus kehijauan di negara ini.

Untuk itu, sebanyak 100,000 pokok akan ditanam serentak dalam masa satu minit pada Ahad ini di seluruh negara sempena Hari Habitat Sedunia bagi memperbaiki kehijauan, lanskap dan kualiti alam sekeliling, kata Ong.

Menurutnya program penanaman pokok itu akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Taman Bukit Jalil di Kuala Lumpur.

Acara itu akan disiarkan secara langsung oleh RTM dengan pelancaran serentak oleh Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri di peringkat negeri, kerajaan tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan.

Program itu juga diharap dapat dimasukkan dalam Buku Rekod Malaysia dan Guinness Book of Records.

Rekod Guinness Book of Records sebelum ini mencatatkan 24,199 pokok ditanam dalam masa seminggu di Sao Paulo, Brazil pada 10 April, 1996.

-- BERNAMA

KM AZZ LAT